

17/06/2003

Pemimpin muda diberi peluang bentang usul

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, akan membawa usul ucapan dasar presiden pada Perhimpunan Agung Umno Khamis

ini, manakala Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said, akan menyokongnya.

Pengerusi Jawatankuasa Usul, Datuk Seri Najib Razak, berkata usul pendidikan dan agama pula akan dibentangkan oleh Ketua Umno Bahagian Kluang, Senator Datuk Gapar Gurrohu, dengan disokong Datuk Zainal Abidin Sakom dari Bahagian Hulu Selangor.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, usul ekonomi akan dibawa wakil Wanita Umno, Raja Ropiah Raja Abdullah dan akan disokong Timbalan Ketua Bahagian Umno Bachok, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

"Rasional kita memilih kedua-dua pemimpin ini adalah bagi melambangkan proses kesinambungan dan sokongan generasi muda terhadap perjuangan Umno,"

katanya pada sidang akhbar di kementeriannya di sini, semalam.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata, usul ucapan dasar presiden akan menyentuh soal antarabangsa, tatacara dunia, peranan negara seperti Malaysia sebagai negara Islam dan membangun serta beberapa aspek dalaman termasuk saranan Presiden parti.

Ditanya apakah ada usul tergepar yang akan dikemukakan pada persidangan

kali ini, Najib berkata: "Setakat ini tiada usul tergepar."

Ada desas-desus mengenai usul meminta Dr Mahathir terus mengetuai Umno dan kerajaan akan dibentangkan pada perhimpunan agung kali ini sedang hangat diperkatakan di kalangan ahli Umno.

Najib meminta semua perwakilan dan ahli Umno memenuhi harapan Presiden parti dengan menghayati dan mengambil iktibar daripada mesej dan saranan yang akan disampaikan beliau bagi kali terakhir.

Katanya, ini kerana bagi Perdana Menteri, penghayatan terhadap mesej ucapan beliau adalah cara terbaik untuk ahli Umno menghargai jasa beliau selama ini, berbanding sekadar menyatakan pujian.

"Adalah penting untuk kita menghayati saranan atau mesej presiden parti

kerana Dr Mahathir selalu menyatakan bahawa mesej beliau kadang-kadang tidak dihayati oleh ahli Umno.

"Justeru, kita berharap saranan beliau itu dijadikan sebagai iktibar dan

ikutan oleh ahli Umno," katanya.